


- Arahan :**
1. Murid dibahagikan kepada empat orang dalam satu kumpulan.
 2. Setiap murid mempunyai peranan dan dimainkan secara bergilir-gilir.
 3. Peranan seperti berikut:
 - (a) Murid 1 : Susun kad seperti kipas
 - (b) Murid 2 : Pilih kad dan bacakan soalan
 - (c) Murid 3 : Jawab soalan
 - (d) Murid 4 : Beri respons dan pujian kepada jawapan rakan yang diberi.
 4. Guru perlu menyediakan kad situasi untuk digunakan dalam aktiviti ini. 

Kad Situasi 1

Seorang murid dibuli dan kamu melihat murid tersebut sedang dibuli.

Kad Situasi 2

Seorang murid ditegur oleh guru kerana murid tersebut meniru semasa peperiksaan sedang berjalan.

Kad Situasi 3

Rakan kamu mengajak kamu melepak selepas pulang dari sekolah.

Kad Situasi 4

Guru meminta kamu menjadi wakil murid untuk berucap semasa perhimpunan sekolah.